

1. Merujuk kepada contoh-contoh daripada negara maju dan negara membangun bincangkan perkaitan di antara sektor perkhidmatan dengan tahap pembangunan ekonomi negara.  
[25 markah]
2. Bincangkan faktor-faktor yang berperanan dalam mempengaruhi pertumbuhan pelaburan terus asing dalam sektor perkhidmatan di negara membangun.  
[25 markah]
3. Bincangkan mengapa Malaysia perlu meningkatkan eksport sektor perkhidmatannya dan apakah penilaian anda tentang potensinya?  
[25 markah]
4. Merujuk kepada satu sub sektor perkhidmatan di Malaysia bincangkan modaliti perdagangan antarabangsa yang sesuai bagi sub sektor tersebut.  
[25 markah]
5. Merujuk kepada sama ada pelabuhan atau lapangan terbang bincangkan sejauhmana Malaysia telah berjaya mengatasi kekangan infrastruktur untuk menjadikan negara ini hub logistik di rantau Pasifik Asia.  
[25 markah]
6. [a] Huraikan peranan penting *outsourcing* pusat panggilan kepada tahap kecekapan operasi dan aras keuntungan korporat antarabangsa dalam ekonomi global.  
[10 markah]  
[b] Pada pendapat anda mampukah Malaysia menyaingi India sebagai pusat panggilan utama di rantau Asia?  
[15 markah]
7. [a] Huraikan mengapa korporat antarabangsa perlu menubuhkan ibu pejabat wilayah?  
[10 markah]  
[b] Berdasarkan pengalaman Hong Kong dan Singapura sebagai lokasi utama ibu pejabat wilayah di Pasifik Asia apakah pengajaran bagi Malaysia dalam misinya untuk menarik korporat antarabangsa menubuhkan ibu pejabat wilayah di Kuala Lumpur.  
[15 markah]